

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Majlis Raja-Raja akan bersetuju sekiranya kajian hendak dibuat ke atas Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan konsep +Raja tidak pernah bersalah+.

Dr Mahathir berkata: +Saya yakin persetujuan akan diperolehi jika apa yang kita hendak buat itu baik.+

+Kalau tidak dapat persetujuan, ia akan menjadi masalah,+katanya kepada pemberita selepas merasmikan kursus pendakwah negara di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian apabila ditanya mengenai peruntukan perlembagaan yang menyatakan sebarang pindaan yang membabitkan kedudukan dan keistimewaan Raja-raja perlu mendapat persetujuan Majlis Raja-raja terlebih terdahulu.

Pelbagai lapisan rakyat telah membuat seruan supaya pindaan seperti itu dilakukan berikutan peristiwa jurulatih pasukan hoki Maktab Sultan Abu Bakar, Douglas Gomez mendakwa dia dipukul oleh Sultan Johor di Istana Bukit Serene, Johor Baharu, pada 30 Nov. -- Lagi

▼10/12/13-59MST

CNS8291

R GB 10-12 00095 BH453

bah

Mahathir - Perlembagaan 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata kerajaan sedia mengkaji segala-gala yang boleh memperbaiki keadaan dalam masyarakat sekarang.

+Saya yakin walaupun Perlembagaan mempunyai peruntukan tertentu, adalah mustahil bahawa perlembagaan sendiri hendak supaya perkara yang bertentangan dengan undang-undang dilakukan tanpasekatan+.

Dr Mahathir berkata inikerana undang-undang yang ada bertujuan melindungi semua orang daripada segala penindasan.

+Tetapi, kalau ada undang-undang ataupun dalam perlembagaan yang menganjurkan penindasan, saya ingat itu bercanggah dengan prinsip undang-undang.

+Saya tidak fikir perlembagaan bertujuan begitu, +katanya. -- Lagi

▼10/12/14-01MST

CNS8312

R GB 10-12 00146 BH455

bah

Mahathir - Perlembagaan. 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Ketika diminta mengulas mengenai pemusnahan Masjid Babri di Ayodhya, India, oleh puak mill. tan Hindu, Perdana Menteri berkata Malaysia memprotes kejadian itu dan telah meminta kerajaan India mengambil tindakan sewajarnya.

+Di Malaysia tidak ada pencerobohan seumpama itu, +katanya dan menambah ka ta bahawa semua agama perlu menghormati kepercayaan orang lain tanpa menceroboh hak tersebut.

Mengenai penghantaran pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ke Somalia, Dr Mahathir berkata Malaysia menyokong langkah itu dan berharap usaha serupa akan dilakukan bagi Bosnia-Herzegovina.

+Kita sedia menghantar askar ke Somalia jika dikehendaki dan jika ada tindakan hendak menjalankan usaha yang sama ke Bosnia-Herzegovina, kita sedia melakukannya.+

Dr Mahathir kesal belum ada sebarang tindakan dijalankan di Bosnia-Herzegovina walaupun perbuatan menyiksa dan membunuh yang berlaku di sana dapat dilihat dengan jelas oleh masyarakat dunia. -- Bernama

▼10/12/14-39MST